

**BARANGAN KRAF PLASTER OF PARIS  
( P.O.P )**

**Oleh :**

**ZAWIAH BT. SAMINGAN**

**IJAZAH SARJANA MUDA SENIREKA  
SERAMIK  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN  
1998**

## **PENGHARGAAN**

Syukur di atas segala limpahan kurnia-Nya maka akhirnya dapatlah juga saya menyiapkan tesis ini hingga ke peringkat akhir. Sepanjang penyediaan tesis ini terlalu banyak rintangan yang perlu dihadapi.

Namun di atas sokongan dan galakan oleh mereka yang sentiasa bersama saya dari awal hingga ke akhir segala masalah yang timbul dapat diatasi juga.

Di sini ingin saya meluahkan rasa terima kasih saya kepada mereka yang telah banyak membantu saya di sepanjang penyediaan tesis ini.

Pertama sekali, terima kasih kepada penasihat saya iaitu En. Kamaruddin Kamsah dan Pn. Faridah yang telah memberikan idea, kritikan, nasihat serta sokongan mereka dengan cara mereka yang tersendiri untuk dijadikan garis panduan.

Terima kasih juga buat ayahanda dan bonda serta ahli keluarga tersayang yang telah memberikan sokongan terus menerus. Terima kasih di atas doa kalian.

## SINOPSIS

Melihat kepada keindahan seni kraf seramik sudah tentu menarik minat kita untuk memilikinya. Secara psikologi keindahan yang dipamerkan oleh barang kraf tersebut dapat memberikan ketenangan dan kedamaian kepada mereka yang mahu menghayatinya.

Penghasilan penulisan ini adalah bertujuan untuk mengetahui kegunaan lain bagi bahan Plaster of Paris selain digunakan dalam pembuatan acuan dalam industri seramik.

Berbagai jenis barang kraf seramik boleh didapati di pusat-pusat membeli belah, pusat pameran dan jualan oleh Kraftangan Malaysia, Infokraf dan sebagainya. Barang kraf yang semakin mendapat perhatian pada masa kini ialah barang kraf yang dihasilkan oleh bahan Plaster of Paris.

Umum mengetahui bahawa kegunaan Plaster of Paris hanyalah tertumpu kepada pembuatan acuan dimana ia dijadikan bahan asas dalam pembuatannya. Namun sebenarnya bahan ini bukanlah bertujuan untuk itu sahaja bahkan banyak yang boleh dihasilkan menggunakan bahan Plaster of Paris ini.

**ISI KANDUNGAN****HALAMAN**

	HALAMAN
<b>Halaman Pemeriksa</b>	<b>i</b>
<b>Penghargaan</b>	<b>ii</b>
<b>Sinopsis</b>	<b>iv</b>
<b>Methodologi Kajian</b>	<b>vii</b>
<b>Jadual Isi Kandungan</b>	<b>x</b>
<b>Senarai Gambar</b>	<b>xi</b>
<b>Senarai Sisipan</b>	<b>xii</b>
<b>PENGENALAN.</b>	<b>1</b>
<b>BAB 1</b>	
<b>1.0: Sejarah dan Latarbelakang Bahan Plaster of Paris.</b>	<b>3</b>
<b>1.1: Proses Penghasilan Plaster of Paris.</b>	<b>4</b>
<b>1.2: Jenis dan Kegunaan Plaster of Paris.</b>	<b>7</b>
<b>1.3: Teknik Pengadunan Plaster of Paris.</b>	<b>10</b>

## PENGENALAN

Pada asalnya istilah seramik merujuk kepada barang yang terhasil daripada pembakaran lempung atau lebih dikenali dengan nama tanah liat. Tetapi kini seramik juga meliputi barang kaca dan berbagai seramik khas daripada silikat, oxide, gypsum (Plaster of Paris) dan sebagainya.

Industri seramik di Malaysia telah mengalami pelbagai perubahan akibat pengaruh perubahan tamadun yang sentiasa berkembang sejak dahulu lagi.<sup>1</sup> Pada masa kini terdapat berbagai jenis industri seramik telah wujud begitu pesat di negara kita.

Antaranya ialah industri tableware yang mengeluarkan barangan seperti pinggan mangkuk iaitu di kilang Oriental Ceramics Sdn. Bhd., Batu Pahat, kilang sanitaryware iaitu yang mengeluarkan barangan seperti sinki, tab mandi dan tandas iaitu Sime Inax dan Armitage Shanks.

Terdapat juga kilang yang membuat ubin seperti H&R Johnson Sdn. Bhd. di Negeri Sembilan. Barang artware juga semakin mendapat perhatian dengan tertubuhnya kilang seperti Tenmoku Pottery di Gombak Selangor dan Creative Designer di Ampang.

<sup>1</sup> R.O. Winstead. *Malay Industrial Part 1 Arts and Crafts*. Wilkinson R.J.F.M.S. Government Press Kuala Lumpur 1909, Hal. 25